



# PAMERAN 17th INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION, INDUSTRIAL DESIGN AND TECHNOLOGY EXHIBITION

Penyertaan tahun ini merupakan kali yang kedua KUKUM menyertai pertandingan ITEX, setelah mencatat kejayaan memenangi tujuh pingat dari tujuh penyertaan pada pertandingan tahun lalu. Pada kali ini, KUKUM telah mencatat sejarah dengan menghantar 31 produk penyelidikan yang juga merupakan universiti awam yang kedua terbanyak menghantar penyertaan ke pertandingan yang telah berlangsung dari 19 Mei hingga 21 Mei 2006 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. Selain penyertaan dari insitusi pengajian tinggi di Malaysia, ITEX 2006 juga disertai oleh penyelidik-penyelidik luar antaranya dari Croatia, Belgium, Switzerland, Sri Lanka dan banyak lagi.

Penyelidik KUKUM telah berjaya membawa pulang 16 pingat iaitu satu pingat emas, enam pingat perak dan sembilan pingat gangsa pada pertandingan itu. Walaupun jumlah ini agak sedikit berbanding bilangan penyertaan, namun KUKUM berpuas hati diatas komitmen serta semangat yang ditunjukkan oleh penyelidik-penyelidik KUKUM dalam menjalankan penyelidikan. Sebilangan besar dari penyelidik KUKUM yang menyertai pertandingan ini terdiri daripada penyelidik-penyelidik muda dan pengalaman menyertai pertandingan seumpama ini adalah sangat berharga serta berguna kepada mereka untuk masa-masa hadapan. Di samping itu, melalui pertandingan ini diharapkan penyelidik-penyelidik KUKUM dapat membina rangkaian perhubungan dengan penyelidik-penyelidik luar yang seterusnya akan mencetuskan idea-idea bernas serta jalinan kerjasama kearah penyelidikan bersama.

